

## **NOTA PENDIDIKAN ISLAM TAHUN 5**

Buku Teks muka surat 110- 117

### **SOLAT BERJEMAAH MEMBENTUK KEKUATAN UMAH**

#### **SOLAT BERJEMAAH**

Solat Berjemaah ialah solat yang dilakukan lebih daripada seorang atau secara beramai-ramai, dengan diketuai seorang imam.

Lafaz dan Niat sebagai Imam

أُصَلِّيَ فَرَضَ الصُّبْحِ رَكْعَتَيْنِ أَدَاءً إِمَامًا لِلَّهِ تَعَالَى

Usoli Fardos Subhi Rak ataini ada an lillahi Taala.

Sahaja aku solat Fardhu subuh dua rakaat tunai sebagai imam kerana Allah Taala.

Lafaz dan niat Sebagai Makmum

أُصَلِّيَ فَرَضَ الصُّبْحِ رَكْعَتَيْنِ أَدَاءً مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku solat fardhu subuh dua rakaat tunaik sebagai makmum kerana Allah Taala.

#### **HUKUM**

Fardhu Kifayah bagi solat Fardhu

Fardhu Ain bagi Solat berjemaah

#### **KELEBIHAN SOLAT BERJEMAAH**

1. Menambah khyusuk dalam solat
2. Beroleh pahala 27 kali ganda
3. Dicintai oleh Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w
4. Mengukuhkan ukhwa sesama umat Islam
5. Mendapat keberkatan di dunia dan diakhirat

### **KEPENTINGAN SOLAT BERJEMAAH**

1. Meningkatkan semangat berpasukan dan Kerjasama
2. Membentuk diri berdisiplin dan mematuhi ketua
3. Melatih diri menepati masa
4. Menambah rasa kasih sayang dan hormat menghormati tanpa mengira darjat


### **SYARAT-SYARAT SAH SOLAT BERJEMAAH**

1. Perbuatan zahir imam dan makmum sama
2. Makmum mengikut imam
  - a. Takbir : Mesti terkemudian daripada imam
  - b. Perbuatan lain: Tidak mendahului imam melebihi dua rukun tanpa keuzuran
3. Makmum mengetahui pergerakan imam.
4. Makmum dan imam berhimpun dalam satu tempat tanpa berpisah.
5. Makmum tidak tertinggal daripada mengikut pergerakan imam sebanyak dua rukun tanpa keuzuran atau tiga rukun Panjang dengan keuzuran.
6. Perbuatan sunat makmum dan imam tidak bercangah secara ketara kecuali Qunut.
7. Makmum berniat mengikut imam
8. Makmum yakin solat imam sah
9. Solat imam bukan dalam kategori solat yang wajib diulang.
10. Martabat Imam dari sudut jantina tidak kurang dari makmum
11. Imam tidak ammi sedangkan makmum pula baik bacaannya
12. Imam yang diikuti tidak mengikut imam lain.

Murid-murid, Rasulullah s.a.w sangat menyayangi umatny tetapi dalam hal solat berjemaah, di masjid, baginda sangat menitikberatkan perlaksanaannya sehingga baginda pernah mengancam untuk membakar rumah seorang lelaki yang tidak datang berjemaah dimasjid.

## TATACARA KEDUDUKAN SOLAT BERJEMAAH

### تاتاچارا کدودوقن صلاة برجماعه




● قرمقوان  
● سموا قرمقوان




● للاكي  
● ساورغ قرمقوان



● للاكي  
● ساورغ للاكي



● للاكي  
● للاكي ديواس،  
کانق ۲ للاكي دان  
قرمقوان ديواس



● للاكي  
● بيراف للاكي دان  
قرمقوان



● للاكي  
● بيراف للاكي



# MAKMUM MASBUK DAN MAKMUM MUAFIK

## MAKMUM MUAFIK

### Pengertian

- Makmum yang sempat berdiri betul bersama-sama dengan imam untuk tempoh bacaan al-fatihah dengan sempurna.

Contohnya :

Makmum tekbiratul ihram, seurus selepas imam bertakbiratul ihram, maka makmum hendaklah membaca al-fatihah sehingga sempurna

Tindakan yang perlu dilakukan oleh makmum muafik yang tidak sempat menyempurnakan bacaan al-fatuhah

- Jika makmum tidak sempat menyempurnakan bacaan al-fatihah disebabkan halangan tertentu seperti bacaan makmum terlalu lambat, makmum tidak boleh rukuk bersama dengan imam. Makmum hendaklah menyempurnakan bacaan terlebih dahulu sebelum rukuk.
- Namun jika makmum terlalu lambat, sehingga imam sudah berdiri semula untuk rakaat seterusnya, makmum hendaklah terus menyempurnakan bacaan al-fatihah. Walaubagaimanapun rakaat tersebut masih dikira sebagai rakaat bertama baginya.

## MAKMUM MASBUK

### Pengertian

Makmum yang tidak sempat berdiri betul bersama-sama dengan imam untuk tempoh bacaan al-fatihah dengan sempurna.

Contohnya: semasa makmum takbiratul ihram, imam sudah sempurna membaca surah atau sendang rukuk.

Tindakan yang perlu dilakukan oleh makmum

1. Makmum terus takbiratul ihram sambil berniat, berdiri sekejap dan terus rukuk bersama-sama dengan imam
2. Jika makmum sempat rukuk syarat toma'ninah bersama-sama dengan imam, makmum memperoleh rakaat tersebut. Bacaan al-fatihah makmum dianggap selesai dengan bacaan imam.
3. Jika makmum tidak sempat melakukannya makmum tidak memperoleh rakaat tersebut.